



Enche Attemar, sa-orang guru silat yang tertua di-Singapura. kelihatan duduk di-dari oleh dua orang teman-nya.

**Memperbaiki Mutu**  
**SA-ORANG** guru seni silat muda di-sini telah menhadangkan betapa perlu-nya untuk di-adakan satu 'Pesta Pertandingan' seni silat Melayu di-Republik ini sa-tiap tahun dalam usaha untuk memperkembangkan lagi mutu seni silat Melayu itu.

"Ini tidak sahaja membolehkan kita berusaha untuk memajukan atau pun memperkembangkan-nya, tapi juga memperbaiki lagi mutu seni silat Melayu itu", kata-nya.

Guru seni silat yang menhadangkan demikian ialah Enche Ismail Alang atau pun lebih terkenal di-kalangan kawan2-nya sebagai Enche Basri Alang.

Beliau sekarang menjadi pemimpin dan guru Perkumpulan Seni Silat Seligi Kuningan yang bergabung di-bawah Persatuan Bornean Singapura.

Sa-orang ahli dalam seni tersebut sejak 15 tahun yang lalu, Enche Basri yang berumur 29 tahun melihat betapa perlu-nya diadakan sa-buan 'pesta' seperti itu.

### Menguji Kebolehan

"Ini dapat menguji kebolehan anak2 kita dalam bidang itu, dan sa-takat mana kejayaan2 kita sekarang ini dalam usaha memajukan-nya", kata beliau.

Enche Basri menarik perhatian bahawa walau pun di-ramalkan tidak kurang dari 50 buah badan dan perkumpulan seni silat di-Republik ini, namun mereka berpecah belah dan bergerak berasingan.

"Alang-kah baik-nya kalau mereka berkumpul dan bergabung antara satu sama lain dan mengadakan pesta2 pertandingan sa-tiap tahun", kata-nya.

Dengan itu tidak sahaja dapat kita bertukar2 pengetahuan antara satu sama lain, tapi juga dapat berkumpul dan mengeratkan silaturahmi antara satu badan dengan badan yang lain dan antara satu kumpulan dengan kumpulan seni silat yang lain, kata-nya lagi.

Sa-lain itu kita sama2 dapat menganjurkan satu protek bersama untuk menyertai pesta sukan, umpama-nya, dengan mengadakan pertandingan2 seperti itu, kata Enche Basri.

Enche Basri mempunyai tiga orang guru yang mengajar-nya, antara-nya termasuk sa-orang guru dari Perak yang mengajar-nya dalam seni silat kuningan.

Buat masa ini dia sudah pun mengajar lebih dari 200 orang murid yang berselerak di-beberapa tempat di-sini.

"Saya akan turunkan segala kepandaian kepada murid2 saya itu kerana saya ingin mereka

ADAKAN

PESTA

SILAT

TIAP2

TAHUN

Gambar2 oleh RAWI AHMAD



Enche BASRI ALANG, guru silat Perkumpulan Seni Silat Seligi Kuningan.



MEGAT OMAR, murid yang termuda sa-kali.



Dua orang adek beradek sedang berada keamatan. Kelihatan Muhammad Nasir sedang hendak membanting Mohamad Sam.



Anggota perkumpulan wanita seni silat kawasan Bukit Timah.

menjadi sa-orang ahli seni silat yang baik satu hari nanti", ujar-nya.

Enche Basri memberitahu bahawa guru2 seni silat sekarang begitu berani untuk menurunkan segala kepandaian mereka itu kepada anak2 murid mereka tanpa menyembunyi2.

"Tidak seperti guru2 di-masa lalu, menyembunyikan sa-tengah2 rahasia seni silat itu dari di-kelahir oleh murid2 mereka sendiri, kerana sikap kekuatiran-nya kepada murid2 itu kelak.

"Sa-balek-nya guru2 sekarang tidak pula suka menyembunyikan rahasia2 yang ada pada inereka, kerana mereka berpendapat kalau ini di-telusur maka seni silat Melayu yang di-chitazkan untuk berkembang terus tidak akan mencapai chita2-nya.

### Memperbaiki mutu

"Lebih2 lagi ia tidak dapat menolong kita dalam usaha untuk memperbaiki mutu seni silat yang sedia wujud itu", kata-nya menambah.

Menyentuh tentang pengajaran antara dulu dengan sekarang, Enche Basri menerangkan bahawa walau pun pengaliran-nya agak berlainan, is2 pelajaran mungkin sama. Cuma pada masa ini pengajaran itu di-modernkan sedikit.

Dengan demikian ini lebih memudahkan dan sesuai untuk mengetahui anak2 muda kita zaman sekarang, ujar-nya lagi.

Beliau berharap dengan keberanian guru2 seni silat sekarang ini dalam chara2 mengeluarkan segala rahasia2 yang ada pada diri mereka, maka seni silat Melayu seperti juga lain2 seni pertahanan diri, dapat mencapai kemajuan yang lebih melimpahkan lagi.



Dua orang gadis "pahlawan" sedang bertarokh azagaban masing2. Di-sabelah kiri ia-lah Che Junaida dan kanan ia-lah Che Masema Ali.